

NOTIS MENURUT AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis ini dikeluarkan selaras dengan keperluan-keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”). Untuk tujuan Notis ini, “**ECS**” bermaksud ECS ICT Berhad dan subsidiari-subsidiarinya, ECS Kush Sdn Bhd, ECS Pericomp Sdn Bhd, ECS Astar Sdn Bhd dan ECS KU Sdn Bhd dan hendaklah termasuk subsidiari, syarikat bersekutu dan/atau syarikat berkaitan sebagaimana yang diperbadankan dari semasa ke semasa.

1. Sumber dan Penerangan Data Peribadi

- 1.1 Anda mungkin telah membekalkan dan terus, dari semasa ke semasa, membekalkan ECS dengan data peribadi berkaitan dengan permohonan kredit, aktiviti-aktiviti promosi dan/atau pemasaran atau semasa menjalankan perniagaan dengan ECS. ECS mungkin juga mengesahkan atau mendapat data peribadi mengenai anda daripada sumber pihak ketiga seperti agensi pelapor kredit, Suruhanjaya Syarikat dan Jabatan Insolvensi. ECS mungkin juga memperolehi data peribadi daripada pihak-pihak ketiga yang berurusan dengan ECS atau yang berkaitan dengan anda (agensi rujukan kredit atau institusi kewangan) dan daripada sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda, dan/atau di mana dibenarkan oleh undang-undang.
- 1.2 Anda mungkin telah memberi data peribadi kepada ECS dalam salinan cetak, lampiran dalam e-mel atau mana-mana komunikasi elektronik yang lain.
- 1.3 Data peribadi tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport dan butir-butir hubungan seperti nombor telefon, nombor faks, nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan sebarang maklumat hubungan dan juga maklumat kewangan anda. Sebagai tambahan, ECS mungkin dari semasa ke semasa meminta maklumat peribadi lain yang berkenaan untuk ECS semasa menjalankan perniagaan dengan anda atau organisasi anda.

2. Kegunaan-kegunaan

- 2.1 Tujuan-tujuan di mana data peribadi anda digunakan dan/atau diproses oleh ECS adalah seperti berikut:
 - (a) pengesahan identiti;
 - (b) memproses permohonan kredit atau menilai dan/atau mengesah kepercayaan kredit;
 - (c) memproses permintaan untuk produk dan perkhidmatan ECS;
 - (d) memudahkan dan memasuki transaksi perniagaan dan perdagangan;
 - (e) menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan/atau pemasaran;
 - (f) membekalkan anda dengan maklumat dan kemaskini termasuk bahan-bahan promosi dan/atau pemasaran berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh ECS dan/atau rakan-rakan perniagaan ECS;
 - (g) berkomunikasi dengan anda termasuk membalas pertanyaan dan menyelesaikan isu atau aduan;
 - (h) mengawasi dan meningkatkan prestasi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh ECS;
 - (i) untuk aktiviti perniagaan antara ECS dengan anda atau organisasi anda;
 - (j) mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan dan memberi bantuan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang, sekiranya diperlukan;
 - (k) mengendali dan mengurus produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh ECS termasuk menguatkuasa hak-hak perundangan dan/atau mendapatkan nasihat undang-undang;
 - (l) menyenggara rekod-rekod yang diperlukan untuk tujuan keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang yang lain;
 - (m) untuk tujuan-tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan dan/atau dengan persetujuan anda; dan/atau
 - (n) untuk segala tujuan-tujuan lain yang berhubungan atau bersampingan dengan di atas.

3. Pemberian Maklumat

- 3.1 Anda mempunyai hak dalam menentukan maklumat yang anda ingin beri. Walau bagaimanapun, anda diwajibkan memberi data peribadi tertentu dan sekiranya anda memilih untuk tidak memberi data peribadi tertentu, ECS mungkin tidak dapat menawarkan produk dan perkhidmatan kepada anda atau organisasi anda, memproses permohonan kredit, menilai kepercayaan kredit, menawarkan syarat kredit, membekalkan anda atau organisasi anda dengan tawaran promosi dan/atau pemasaran untuk faedah anda, dan/atau menjalankan perniagaan dengan anda atau organisasi anda.

4. Pendedahan Maklumat Anda

- 4.1 Walaupun ECS tidak mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan jika pendedahan tersebut adalah di bawah bidang kuasa pendedahan yang dibenarkan di bawah undang-undang/ garis panduan dan/atau anda telah bersetuju dengan pendedahan tersebut, ECS mungkin mendedahkan maklumat anda kepada pihak-pihak berikut:
- (a) syarikat-syarikat dalam ECS;
 - (b) pembekal perkhidmatan pihak ketiga;
 - (c) ejen atau kontraktor yang dilantik oleh ECS untuk bertindak bagi pihak ECS;
 - (d) pihak ketiga yang membantu atau bekerjasama dengan ECS untuk aktiviti promosi dan/atau pemasaran;
 - (e) pihak yang bertindak sebagai saluran pembayaran ECS termasuk tetapi tidak terhad kepada institusi kewangan untuk mengekalkan rekod kewangan, menilai atau mengesahkan kredit dan memudahkan pembayaran kepada ECS;
 - (f) pihak berkuasa kawal selia, badan kerajaan, pihak berkuasa atau orang lain, jika perlu berbuat demikian di bawah mana-mana undang-undang atau berhubungan dengan apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah;
 - (g) agensi kutipan hutang dan pihak lain yang membantu dengan fungsi kutipan hutang; dan/atau
 - (h) penasihat profesional dan konsultan termasuk tetapi tidak terhad kepada peguam, akauntan, juruaudit dan penanggung insurans atas dasar perlu tahu sahaja untuk menyediakan perkhidmatan dan/atau nasihat mereka kepada ECS.

Data peribadi anda juga mungkin disimpan dalam ERP dan sistem e-mel ECS di mana kakitangan ECS yang berkenaan boleh mempunyai akses bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

5. Hak Anda dan Bagaimana Hubungi ECS

- 5.1 Anda boleh menghubungi ECS secara bertulis untuk:
- (a) meminta akses kepada data peribadi mengenai anda yang dipegang oleh ECS;
 - (b) meminta supaya data peribadi anda yang dipegang oleh ECS diperbetulkan/dikemaskini;
 - (c) menarik balik persetujuan anda untuk pemprosesan/penggunaan data peribadi oleh ECS.
- 5.2 Menurut PDPA, ECS berhak mengenakan bayaran untuk memproses permintaan akses data peribadi.
- 5.3 Jika anda ingin menghadkan hak ECS untuk memproses data peribadi anda atau tidak ingin dihubungi oleh ECS untuk tawaran promosi dan/atau pemasaran, sila hubungi ECS seperti yang tertera di bawah.
- 5.4 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda, anda boleh hubungi:

Pegawai Perlindungan Data Peribadi

ECS ICT Berhad

Lot 3, Jalan Teknologi 3/5

Taman Sains Selangor

Kota Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor

Malaysia.

Tel: 603-6286 8222

Faks: 603-6140 0031

E-mel: dpo@ecsm.com.my

6. Pengemaskinian Notis Ini

- 6.1 ECS berhak untuk meminda Notis ini pada bila-bila masa dan akan meletakkan notis pindaan tersebut pada laman web ECS www.ecsm.com.my atau melalui mana-mana cara lain yang ECS anggap sesuai.

7. Persetujuan

- 7.1 Jika anda adalah suatu firma, perkongsian, usaha sama, pertubuhan yang tidak diperbadankan, perbadanan atau badan korporat yang lain, pemberian Notis ini yang dialamatkan kepada firma, perkongsian, usaha sama, pertubuhan yang tidak diperbadankan, perbadanan atau badan korporat lain tersebut adalah dianggap sebagai notis yang diberikan kepada semua rakan kongsi, pengarah, pemegang jawatan, pemegang saham dan/atau pekerja, mengikut mana yang berkenaan, yang mana data dikumpul dan/atau diproses oleh ECS bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 2.1 di atas. Dalam hal ini, anda menjamin bahawa anda telah mendapatkan persetujuan semua individu tersebut untuk memberi data peribadi mereka kepada ECS untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas dan untuk pendedahan kepada pihak-pihak yang dinyatakan dalam perenggan 4.1 di atas dan anda mengakujanji untuk memberikan sesalian Notis ini kepada semua individu tersebut, di mana ungkapan tersebut hendaklah termasuk semua rakan kongsi, pengarah, pemegang jawatan, pemegang saham dan/atau pekerja anda, mengikut mana yang berkenaan, yang sedia ada dan baru, dari semasa ke semasa.
- 7.2 Notis ini hendaklah juga terpakai berkenaan dengan penggunaan, pemprosesan dan pendedahan data peribadi mana-mana individu lain yang bukan pelanggan ECS tetapi yang mana data peribadi perlu dikumpulkan oleh ECS untuk tujuan atau sampingan kepada penyediaan produk dan perkhidmatan oleh ECS kepada pelanggannya, sama ada pelanggan tersebut adalah individu, syarikat, entiti perniagaan atau organisasi. Dalam hal ini, anda mengesahkan dan menjamin bahawa anda telah mendapatkan persetujuan semua individu tersebut untuk memberi data peribadi tersebut kepada ECS bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas dan untuk pendedahan kepada pihak-pihak yang dinyatakan di perenggan 4.1 di atas.
- 7.3 Dengan memberi data peribadi anda kepada ECS, anda bersetuju dengan kenyataan-kenyataan dan syarat-syarat dalam Notis ini dan pengumpulan, penggunaan, akses, pendedahan, penyimpanan dan pemprosesan data peribadi seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.